



PELAN STRATEGIK

POLITEKNIK
KUCHING
SARAWAK

2017-2021

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Kata Aluan Pengarah	2
Sejarah Penubuhan	3
Visi Dan Misi	4
Objektif Kualiti	5
Jawatankuasa Pengurusan	6
Punca Kuasa Pelan Strategik	
✚ Pelan Strategi Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020	7
✚ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025	8
✚ Agenda Tranformasi Politeknik 2009-2020	9
✚ Polyrate 2013	11
Teras Pelan Strategi Politeknik Kuching Sarawak (2017-2021)	12
✚ Teras 1: Mengukuhkan Sistem Perkhidmatan Tadbir Urus Secara Bersepadu Dan Cemerlang	13
✚ Teras 2: Mengoptimumkan Bakat Warga Kerja Kearah Pembentukan Politeknik Sebagai Hab Pendidikan Antarabangsa Berkualiti	16
✚ Teras 3: Melahirkan Graduan Berketrampilan Dan Berkebolehpasaran Tinggi	19
✚ Teras 4: Membentuk Pendidikan Tinggi TVET Dan Memantapkan Fungsi <i>Center Of Technology (COT)</i>	22
✚ Teras 5: Membudayakan PSH Sebagai Satu Gaya Hidup Kalangan Masyarakat	25
✚ Teras 6: Membangunkan <i>Global Online Learning (GOL)</i> Untuk Menjadikan Politeknik Hab Pendidikan Perdana	27
Penutup	30
Jawatankuasa Penggubal Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak 2017-2021	31



KATA ALUAN PENGARAH **Politeknik Kuching Sarawak**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat menghasilkan Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak (PKS) 2017-2021.

Sesungguhnya penghasilan Pelan Strategik PKS bagi tempoh lima tahun ini merupakan satu komitmen jitu Kementerian Pendidikan Tinggi melalui PKS dalam menentukan arah haluan inisiatif pengurusan PKS yang profesional dan efektif agar dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi dan seterusnya mampu memberi impak dalam melahirkan graduan PKS yang berkualiti dari segi kebolehpasaran, kebolehlatihan dan kesediaan untuk pembelajaran berterusan.

Pelan strategik ini juga merupakan sumber rujukan utama yang digubal berlandaskan hasrat untuk memperkasakan graduan PKS menerusi realiti semasa dengan kebolehpasaran graduan yang memiliki kemahiran bekerja hasil dari pemberian Latihan Separa Profesional secara berterusan. Ini adalah bersesuaian dengan kehendak pasaran yang memerlukan graduan memiliki kesediaan dan keupayaan tinggi untuk menguasai teknologi dan kemahiran terkini.

Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab warga PKS memastikan pelan strategik ini dapat menjamin kriteria graduan berkualiti dapat dicapai dengan jayanya serta usaha yang berterusan secara profesional dan efektif dapat dilaksanakan. Besar harapan saya agar pelan strategik ini dapat dijadikan panduan yang jelas dan terperinci kepada warga PKS untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Akhir kata, saya mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa untuk menghasilkan Pelan Strategik PKS 2017-2021.

EN. KAMALUDIN BIN DAUD
Mac 2017

SEJARAH PENUBUHAN

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) merupakan politeknik ke lima ditubuhkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. PKS menawarkan 14 program di peringkat diploma dan diterajui oleh En. Kamaludin Bin Daud sebagai Pengarah.




Politeknik Kuching Sarawak ditubuhkan pada tahun 1988. Penubuhannya selaras dengan objektif untuk menampung keperluan sumber tenaga kerja terlatih dalam memenuhi aspirasi negara ke arah perindustrian, seterusnya meningkatkan daya saing dalam pasaran dunia. Pada peringkat awal penubuhannya, PKS beroperasi di sebuah bangunan rumah kedai di Simpang Tiga, Kuching dan diterajui oleh Encik Mustapa Bin Mohamed sebagai Pengetua pertama. Pengambilan pertama pelajar adalah pada Julai 1989 iaitu seramai 204 pelajar telah ditawarkan tempat pengajian. Kursus-kursus yang ditawarkan pada ketika itu adalah seperti berikut:

- a) Sijil Kejuruteraan Awam (Pembinaan)
- b) Sijil Kejuruteraan Elektronik (Perhubungan)
- c) Sijil Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)
- d) Sijil Kejuruteraan Jentera (Am)
- e) Sijil Penyimpanan Kira
- f) Diploma Akauntansi


Perkembangannya diikuti pemilihan kampus tetap oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian Negeri Sarawak dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu di kawasan *Lot 88 Matang Land District* sebagai kampus tetap PKS dengan keluasan tanah seluas 112 ekar dan terletak kira-kira 22 kilometer dari pusat Bandaraya Kuching. Kedudukannya di kaki Gunung Serapi memberikan satu persekitaran yang kondusif untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta perkembangan sahsiah pelajar.

VISI




Menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri


MISI




Menyediakan akses kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf



Membangunkan kurikulum yang dipimpin industri dan meningkatkan kesediaan graduan melalui penglibatan industri yang diselaraskan



Menghasilkan graduan yang seimbang dan berdaya keusahawanan melalui program pengajian yang dinamik dan mampan



Mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui kerjasama dan penyertaan aktif dalam komuniti TVET

OBJEKTIF KUALITI

KECEMERLANGAN AKADEMIK

-  Memastikan kadar kelulusan bagi setiap program tidak kurang daripada 90% bagi setiap semester
-  Memastikan sekurang-kurangnya 25% daripada pelajar yang lulus mencapai PNM 3.00 atau lebih untuk setiap program bagi setiap semester
-  Memastikan sekurang-kurangnya 80% daripada pelajar mencapai hasil pembelajaran kursus (CLO) melebihi 50% bagi setiap kursus mengikut semester
-  Memastikan semua pelajar yang tamat pengajian mencapai hasil pembelajaran program (PLO)

KECEMERLANGAN STAF

-  Memastikan setiap staf menghadiri kursus/menjalani latihan sekurang-kurangnya 10 hari setahun

KECEMERLANGAN PROSES

-  Memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Pengarah	: En. Kamaludin Bin Daud
Timbalan Pengarah (Akademik)	: En. Mohd Shah Bin Yunus
Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)	: En. Jemain Bin Ental
Pegawai Eksekutif Tertinggi	: Pn. Jaslina Binti Jaafar
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam	: En. Mohd Agus Adib Bin Eskandar
Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik	: En. Tan Kheng Wee
Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	: En. Mad Noh Bin Lajim
Ketua Jabatan Perdagangan	: Pn. Normala Binti Jaya
Ketua Jabatan Pengajian Am	: En. Sofian Bin Mohd
Ketua Jabatan Matematik, Sains & Komputer	: En. Zaulkafli Bin Mohamed
Ketua Jabatan Kejuruteraan Petrokimia	: En. Yap Tek Chuan
Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi	: Pn. Lenny Kolina Binti Majalis
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar	: En. Mahathir Bin Mohamad Kamin
Ketua Jabatan Sukan, Kurikulum & Kebudayaan	: En. Engku Shahrulrizal Bin Engku Ab. Rahman
Ketua Unit Peperiksaan	: En. Hyril Farithz Bin Ahmad
Ketua Unit Perpustakaan	: En. Kiprawi Bin Sani
Ketua Unit For Instructional Development & Multimedia	: En. Mohd Razaleigh Bin Saberlin
Ketua Unit ICT	: Pn. Siti Jazaniah Al-Jas Binti Mohd Japar
Ketua Unit Psikologi Dan Kerjaya	: En. Mohamad Husahari Bin Jamel
Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri	: Pn. Deffany Kong Suk Lan
Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan	: En. Khairul Hisham Bin Shahari
Ketua Unit Pembangunan Dan Selenggaraan	: Cik Yunika Kirana Binti Abdul Khalik
Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi	: Dr. Lewis Liew Teo Piaw
Ketua Unit CISEC	: En. Chai Teck Jung
Ketua Unit Keusahawanan	: Hj. Saidi Bin Japari
Ketua Unit Jaminan Kualiti	: En. Mohd Ali Bin Jasmi
Ketua Unit Komunikasi Korporat	: En. Mahathir Bin Mohamad Kamin
Pengurus Asrama	: Pn. Haluyah Binti Ibrahim

PUNCA KUASA PELAN STRATEGIK

PELAN STRATEGIK PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (PSPTN) 2007-2020

Perancangan strategik oleh institusi pengajian tinggi negara adalah penting sebagai panduan hala tuju untuk menjana, menerapkan dan mengeksploitasi ilmu pengetahuan bagi mencapai hasrat dan aspirasi negara. Justeru itu, sasaran utama adalah untuk mencapai kecemerlangan IPT mengikut fasa pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang terbahagi kepada peringkat pelaksanaan mengikut fasa berikut:

Fasa 1	2007-2010 (Peletakan Asas)
Fasa 2	2011-2015 (Peningkatan dan Pemeraksanaan)
Fasa 3	2016-2020 (Kecemerlangan)
Fasa 4	Melangkaui 2020 (Kegemilangan dan Kelestarian)

Dalam Fasa 1 PKS telah menumpukan pelaksanaan aktiviti bertujuan untuk meletakkan batu asas yang kukuh dan landasan yang tepat bagi persediaan untuk Fasa 2 iaitu peringkat peningkatan dan pemeraksanaan. Menjurus kepada Fasa 3 (Kecemerlangan), bagi jangka masa 2016 hingga 2020, PKS akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasa strategi dan inisiatif untuk melonjak dan mencapai petunjuk prestasi yang telah ditentukan. Fasa ini menyaksikan PKS dalam proses melengkapkan dan mengoptimalkan segala kekuatan dan peluang yang ada untuk diterima sebagai salah sebuah politeknik yang relevan dan berprestasi tinggi. Keupayaan PKS untuk mencapai fasa ini adalah melalui pemantapan dan kelestarian sistem pengurusan dalam semua aspek. Pengeluaran graduan berkemahiran tinggi turut diutamakan. PKS juga akan melihat kembali dan membuat kajian semula pelan transformasi secara komprehensif. Berdasarkan senario semasa, sasaran strategik dan penilaian secara sistematik serta pendekatan keseluruhan transformasi PKS akan diberikan tumpuan. Pelaksanaan strategi dan inisiatif pada Fasa 3 diharap dapat menyediakan PKS ke arah pencapaian ciri kecemerlangan politeknik yang inovatif, kreatif dan responsif. Ciri ini diyakini akan membawa PKS kepada tahap kecemerlangan pada Fasa ke 3 dan seterusnya dalam Fasa 4 PKS akan mampu melangkaui tahun 2020, yang mana sistem politeknik akan mempunyai kekuatan untuk maju ke hadapan bertunjangkan kekuatan yang ada dan seterusnya mengekalkan kecemerlangan secara lestari.

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENGAJIAN TINGGI) 2015-2025

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) atau lebih dikenali sebagai PPPM(PT) adalah kesinambungan daripada kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020 serta penyelarasan PPPM (Prasekolah hingga Pendidikan Lepas Menengah) 2013-2025, yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara. PPPM (PT) dirangka berlandaskan lima aspirasi yang juga dinyatakan dalam PPPM iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. PPPM (PT) dibangunkan secara kolaboratif dan perundingan yang dipandu oleh pemimpin akademik Malaysia dengan lebih 100 kumpulan mewakili pelbagai kepentingan dan ribuan individu yang prihatin. Mereka yang terlibat merangkumi pakar pendidikan Malaysia dan antarabangsa, pentadbir universiti, Lembaga Pengarah Universiti, komuniti akademik, persatuan yang mewakili pelbagai industri dan majikan, agensi yang berkaitan, ibu bapa, pelajar dan orang awam. Pelan strategik Politeknik Kuching Sarawak (PKS) dirangka berpandukan kepada 10 lonjakan PPPM (PT) agar hasrat yang ingin dicapai dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) seiring dengan objektif dan halatuju sistem pendidikan di PKS.




10 Lonjakan PPPM (PT)

AGENDA TRANSFORMASI POLITEKNIK 2009-2020


Agenda Transformasi Politeknik tercetus bagi mendokong hasrat negara untuk membangun dalam Model Ekonomi Baharu hasil input dari pelbagai pihak termasuklah pihak pelanggan dan pemegang taruh seperti pihak industri, pemimpin masyarakat dan agensi kerajaan pusat selaras dengan inisiatif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Objektif Transformasi Politeknik adalah untuk melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET); mengukuhkan kerelevanan dan responsif program pengajian di politeknik terhadap pembangunan ekonomi negara; menerajui bidang tujahan dan teknologi tertentu yang boleh mengupayakan politeknik menghasilkan graduat berkualiti yang berdaya usahawan (*enterprising*), berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing; membina reputasi antarabangsa dan jenama yang mampu meletakkan institusi politeknik antara institusi pengajian tinggi negara yang terbaik; mempelbagai dan memperluas penawaran program yang mampu menarik minat pelajar ke Politeknik. Bagi merealisasikan objektif tersebut, agenda transformasi politeknik berlandaskan 4 teras berikut :

Teras 1	Pemeriksaan Politeknik ke arah menjadi pilihan yang setanding universiti
Teras 2	Pembangunan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujahan (<i>niche area</i>) yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik
Teras 3	Pemeriksaan warga politeknik dengan pengetahuan dan keterampilan tinggi
Teras 4	Pembinaan imej dan budaya kerja cemerlang



Fasa Pelaksanaan Transformasi Politeknik

Agenda Transformasi Politeknik menjadi rujukan utama dalam menentukan halatuju pelan strategik Politeknik Kuching Sarawak (PKS) berpandukan kepada 4 teras yang dikenal pasti bagi menjana beberapa inisiatif ke arah pencapaian objektif Transformasi Politeknik. Inisiatif ini akan membuahkan tiga penghasilan utama yang diukur dengan sasaran petunjuk prestasi utama *Key Performance Indicators (KPI)* yang perlu dicapai menjelang tahun 2020.



Kerangka Tranformasi Politeknik

POLYRATE 2013

Penarafan Politeknik atau *PolyRate 2011* telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KPT di Putrajaya pada Oktober 2011. *PolyRate* bertujuan menilai tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran dan telah memberi pemberatan yang besar kepada aspek output yang melibatkan elemen berikut:

Elemen 1	Tahap <i>employability</i> graduat
Elemen 2	Kepuasan majikan dan pelajar terhadap politeknik
Elemen 3	Pencapaian pelajar dalam <i>generic students attribute</i>

Polyrate 2013 telah dilaksanakan untuk memberi penarafan kepada politeknik seluruh Malaysia. Ini merupakan kali kedua penarafan diberi, setelah dilaksanakan pada tahun 2011 dengan jayanya. Penarafan Politeknik dilakukan oleh agensi luar di bawah kawal selia Bahagian Dasar Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP). Instrumen penilaian yang diambil kira dalam penilaian *Polyrate* telah dijadikan panduan dalam penghasilan Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak. Instrumen penilaian adalah seperti berikut:

Kriteria 1	Pelajar
Kriteria 2	Sumber
Kriteria 3	Sistem Pengurusan Kualiti
Kriteria 4	Pengiktirafan Program
Kriteria 5	Pengiktirafan Graduan

Simulasi data dilakukan setiap tahun bagi melihat kemampuan Politeknik Kuching Sarawak khasnya dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan. Pengiktirafan anugerah adalah seperti berikut:

Tier 6	Terbilang
Tier 5	Cemerlang
Tier 4	Sangat Baik
Tier 3	Baik
Tier 2	Memuaskan
Tier 1	Lemah

TERAS PELAN STRATEGI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (2017-2021)

Politeknik Kuching Sarawak telah membangunkan 6 teras utama melalui pelan strategik komprehensif selama 5 tahun sehingga tahun 2021. Teras yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:



TERAS 1

Mengukuhkan Sistem
Perkhidmatan Tadbir Urus Secara
Bersepadu Dan Cemerlang



TERAS 2

Mengoptimumkan Bakat Warga
Kerja Kearah Pembentukan
Politeknik Sebagai Hab Pendidikan
Antarabangsa Berkualiti



TERAS 3

Melahirkan Graduan Berketrampilan
Dan Berkebolehpasaran Tinggi



TERAS 4

Membentuk Pendidikan Tinggi
TVET Dan Memantapkan Fungsi
Center Of Technology (COT)



TERAS 5

Membudayakan PSH Sebagai
Satu Gaya Hidup Dalam
Kalangan Masyarakat



TERAS 6

Membangunkan *Global Online
Learning (GOL)* Untuk Menjadikan
Politeknik Hab Pendidikan
Perdana

TERAS 1

MENGUKUHKAN SISTEM PERKHIDMATAN TADBIR URUS SECARA BERSEPADU DAN CEMERLANG

Perkhidmatan tadbir urus secara bersepadu merupakan tonggak kecemerlangan Politeknik Kuching Sarawak (PKS) dalam memberi perkhidmatan berkualiti. PKS komited untuk memperkasakan polisi dan peraturan di samping memperkukuhkan pematuhan sistem, prosedur dan arahan kerja dengan penggunaan sumber yang optimum.

ANALISIS SWOT

KEKUATAN (S)
✓ Sistem tadbir urus yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2008
✓ Penggunaan sistem perkhidmatan dan pengurusan secara digital dan bersepadu
✓ Mengamalkan prinsip pembelian " <i>value for money</i> "
KELEMAHAN (W)
✓ Sistem rangkaian yang masih belum mampu menampung penggunaan kapasiti yang besar dan menyeluruh dalam pengurusan perkhidmatan
✓ Sistem penyenggaraan berkala aset belum mantap
PELUANG (O)
✓ Terdapat peruntukan disediakan bagi tujuan tadbir urus
✓ PKS sedang mengorak langkah ke arah mengaplikasikan budaya kerja berkonsepkan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
ANCAMAN (T)
✓ Perubahan pengurusan tertinggi dan staf akademik yang kerap mempengaruhi struktur organisasi pengurusan tadbir urus secara menyeluruh

OBJEKTIF STRATEGI

1. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan
2. Pengurusan kewangan yang mematuhi prosedur dan piawaian yang ditetapkan
3. Pengurusan infrastruktur yang efektif merangkumi tahap kebolegunaan dan penyelenggaraan aset

Objektif Strategi 1: Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan								
No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
1.a	Pentauliahan MS ISO 9001:2015 menjelang tahun 2018	tahun sasaran		/				Unit Kualiti
1.b	Penggunaan HRMIS mengikut modul yang ditetapkan dalam pengurusan sumber manusia	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Unit Pentadbiran
1.c	Laporan kajian kepuasan pelanggan PKS	1 kajian	1	1	1	1	1	KUKK
1.d	Pelaksanaan mesyuarat MBJ	2 mesyuarat	2	2	2	2	2	PET
1.e	Peratusan hal berbangkit dalam mesyuarat MBJ yang berjaya diselesaikan	70%	70%	75%	80%	85%	90%	PET
1.f	Anugerah pengurusan organisasi yang dimenangi / diiktiraf / diperakukan oleh Badan Penilai Bertauliah**	2 anugerah	2	2	2	2	2	Unit Kualiti

Objektif Strategi 2: Pengurusan kewangan yang mematuhi prosedur dan piawaian yang ditetapkan

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
2.a	Peratusan perbelanjaan belanja mengurus dan belanja pembangunan	97%	98.1%	98.5%	98.9%	99.3%	99.7%	Unit Kewangan
2.b	Pengurusan perolehan dilaksanakan melalui transaksi e-perolehan	70%	72%	74%	76%	78%	80%	Unit Perolehan
2.c	Pemprosesan bil dalam tempoh 14 hari	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Unit Kewangan
2.d	Perbelanjaan operasi tahunan dibelanjakan untuk infrastruktur ICT*	2%	3%	3%	4%	4%	5%	UICT

Objektif Strategi 3: Pengurusan infrastruktur yang efektif merangkumi tahap kebolegunaan dan penyelenggaraan aset

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
3.a	Pencapaian prestasi pendaftaran aset alih kerajaan dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA) **	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Unit Pegurusan Aset
3.b	Pelaksanaan program penyelenggaraan aset secara berkala	1 kali	1	1	1	1	1	TPSA
3.c	Institusi berusaha kearah pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	tahun sasaran	/					JK EKSA

TERAS 2

MENGOPTIMUMKAN BAKAT WARGA KERJA KEARAH PEMBENTUKAN POLITEKNIK SEBAGAI HAB PENDIDIKAN ANTARABANGSA

Kecemerlangan bakat warga Politeknik Kuching Sarawak (PKS) perlu dipertingkatkan dengan membudayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi bukan sahaja di peringkat dalaman tetapi turut aktif di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Selain itu, kecemerlangan bakat warga PKS turut dapat dikembangkan dengan menjalani latihan Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) atau menerusi Program Persijilan Profesional bagi meningkatkan ilmu dan kepakaran terutamanya dalam bidang tujahan berkaitan.

ANALISIS SWOT

KEKUATAN (S)
✓ Terdapat kemudahan makmal / bengkel yang fleksibel bagi tujuan penyelidikan
✓ Setiap jabatan akademik mempunyai unit R&D
✓ Kemudahan ICT adalah terkini
✓ Produk inovasi digunapakai sebagai sebahagian daripada ABM semasa PdP
✓ Terdapat pakar rujuk dalam aspek penyelidikan
KELEMAHAN (W)
✓ Budaya penyelidikan masih belum mantap di kalangan pensyarah bukan graduat
✓ Kemudahan bahan rujukan di perpustakaan terhad
✓ Garis panduan penyelidikan dan inovasi belum dimanfaatkan sepenuhnya
✓ Laman web untuk pencarian jurnal penyelidikan masih perlu dipertingkatkan
PELUANG (O)
✓ Terdapat peruntukan bagi tujuan penyelidikan
✓ Banyak platform dibuka untuk aktiviti penyelidikan staf
✓ Banyak produk inovasi dan penyelidikan berpotensi diperluaskan penggunaannya
✓ Latihan dengan agensi luar
✓ Kolaborasi dan hubungan baik dengan agensi luar
ANCAMAN (T)
✓ Persaingan dengan pihak lain dalam mendapatkan geran penyelidikan
✓ Budaya masyarakat pencipta masih pada tahap yang kurang memuaskan
✓ Persaingan dengan produk di pasaran yang hampir sama

OBJEKTIF STRATEGI

1. Meningkatkan kompetensi dan kelayakan tenaga pengajar
2. Memperkasakan aktiviti penyelidikan dan inovasi
3. Menghasilkan inovasi yang mempunyai nilai komersial

Objektif Strategi 1: Meningkatkan kompetensi dan kelayakan tenaga pengajar								
No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
1.a	Menggalakkan Staf Mengikuti Program Persijilan Professional / Industri**	10 orang	11	12	13	14	15	Jabatan Akademik
1.b	Meningkatkan Pengetahuan Staf Yang Mempunyai Pengalaman Industri**	30%	32%	34%	36%	38%	40%	Jabatan Akademik
1.c	Memastikan Staf Mengikuti 10 hari latihan dalam perkhidmatan setahun**	100%	100%	100%	100%	100%	100%	KULPL
1.d	Peratus pensyarah dengan kelayakan Sarjana atau lebih tinggi*	50%	52%	54%	56%	58%	60%	Jabatan Akademik
1.e	Peratus kakitangan akademik dengan kelayakan professional contohnya Ir,Cr,Ar,Sr*	2%	2%	2%	3%	3%	4%	Jabatan Akademik
1.f	Peratus penglibatan staf akademik dalam aktiviti peringkat kebangsaan/ antarabangsa**	1%	1%	1%	2%	2%	3%	Jabatan Akademik

Objektif Strategi 2: Memperkasakan aktiviti penyelidikan dan inovasi.

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
2.a	Bilangan kertas ilmiah yang diterbitkan di peringkat zon / kebangsaan / antarabangsa**	25 kertas	25	25	27	27	29	KUPI
2.b	Peratus pensyarah yang membentangkan kertas kerja*	10%	10%	10%	11%	11%	12%	Jabatan Akademik
2.c	Peratus penglibatan pelajar dalam aktiviti peringkat kebangsaan/ antarabangsa**	20%	20%	20%	21%	21%	22%	Jabatan Akademik

Objektif Strategi 3: Menghasilkan inovasi yang mempunyai nilai komersial.

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
3.a	Bilangan produk inovasi yang mendapat perlindungan harta intelek**	3	3	3	4	4	4	KUPI
3.b	Produk inovasi yang diaplikasi**	7	7	7	8	8	8	KUPI

TERAS 3

MELAHIRKAN GRADUAN BERKETRAMPILAN DAN BERKEBOLEHPASARAN TINGGI

Hasrat Politeknik Kuching Sarawak (PKS) adalah menghasilkan graduan yang holistik (menyeluruh), seimbang dan berciri keusahawanan sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dengan menekankan daya keusahawanan ini, diharapkan dapat membentuk graduan yang berketrampilan dan berkebolehpasaran tinggi untuk bersaing dengan dunia globalisasi dan menerobos pasaran antarabangsa seiring dengan perkembangan dunia digital.

ANALISIS SWOT

KEKUATAN (S)
✓ Kemudahan ICT adalah terkini
✓ Latihan dengan agensi luar
✓ Kolaborasi dan hubungan baik dengan agensi luar
✓ Pegawai berkelayakan, mahir dan mempunyai sijil profesional dari badan profesional
✓ Kerjasama yang telah sedia terjalin dengan pihak luar seperti MDEC dan MARA
KELEMAHAN (W)
✓ Pelajar yang mengikuti kursus profesional tidak dinilai keberkesanannya
✓ Penggunaan fasiliti yang terhad kepada masa tertentu sahaja
PELUANG (O)
✓ Banyak platform untuk aktiviti dan program untuk pelajar
✓ Sokongan dan kerjasama agensi luar untuk mengadakan latihan kemahiran
ANCAMAN (T)
✓ Persaingan dengan IPT yang menawarkan program yang sama
✓ Persaingan dengan pusat latihan yang lain

OBJEKTIF STRATEGI

1. Melahirkan graduan yang holistik dan seimbang
2. Meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan
3. Membentuk graduan yang berciri keusahawanan

Objektif Strategi 1: Melahirkan graduan yang holistik dan seimbang

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
1.a	Memastikan pelajar mencapai keputusan sekurang-kurangnya Band 4 dalam Peperiksaan MUET**	10%	10%	10%	11%	11%	12%	KJPA
1.b	Mengenalpasti pelajar yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik di kalangan pelajar PKS**	120	120	120	125	125	130	KJPA
1.c	Bilangan anugerah luaran atau pengiktirafan yang diterima graduan*	2	2	2	3	3	3	Jabatan Akademik

Objektif Strategi 2: Meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
2.a	Mengkaji tahap kepuasan majikan terhadap graduan PKS yang bekerja**	3.8	4.0	4.0	4.2	4.2	4.3	GE
2.b	Mendapatkan maklumbalas graduat yang telah mendapat pekerjaan semasa konvokesyen**	90%	90%	90%	91%	91%	91%	CISEC
2.c	Peratus pelajar yang menamatkan pengajian berbanding kemasukan kohort**	70%	70%	70%	75%	75%	75%	EXAM
2.d	Peratus graduan bekerja atau melanjutkan pengajian dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian*	60%	60%	60%	65%	65%	65%	CISEC
2.e	Peratus graduan bekerja jenis pekerjaan pada tahap pendidikan yang sesuai*	40%	40%	40%	45%	45%	45%	CISEC

Objektif Strategi 3: Membentuk graduan yang berciri keusahawanan

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
3.a	Memastikan bilangan graduan yang menceburi bidang perniagaan/keusahawanan dalam tempoh 1 tahun setelah tamat pengajian**	17 orang	18	18	20	20	22	KU Usahawan
3.b	Peratus graduan menjadi usahawan*	5%	5%	5%	6%	6%	7%	KU Usahawan
3.c	Memastikan bilangan pelajar yang berjaya menceburi bidang perniagaan/ keusahawanan dalam tempoh pengajian di PKS	20 orang	20	20	21	21	22	KU Usahawan
3.d	Mengadakan kursus untuk memantapkan E-Keusahawanan	4 kali	4	4	4	4	4	KU Usahawan
3.e	Mengadakan Karnival Keusahawanan/ Karnival Niaga	2 kali	2	2	2	2	2	KU Usahawan

TERAS 4

MEMBENTUK PENDIDIKAN TINGGI TVET DAN MEMANTAPKAN FUNGSI CENTER OF TECHNOLOGY (COT)

Menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP), Malaysia perlu peningkatan 2.5 kali ganda enrolmen TVET menjelang 2025. Penawaran terhadap pekerja bidang TVET tidak mencukupi dalam 10 daripada 12 sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) ketika ini. TVET dianggap kurang menarik berbanding dengan pendidikan universiti yang konvensional. Ini menyebabkan jumlah pelajar laluan TVET berada pada tahap rendah terutamanya pelajar berkeelayakan tinggi. Justeru itu, Politeknik Kuching Sarawak (PKS) berhasrat untuk membentuk sistem pendidikan tinggi berasaskan TVET dan menjadi Pusat Teknologi (Centre of Technology) yang diiktiraf oleh komuniti dan industri dalam bidang tujuhan iaitu bidang kejuruteraan proses di dalam dan di luar negara. Usaha ini akan dapat direalisasikan melalui pemerkasaan kecemerlangan dalam bidang tujuhan PKS iaitu kejuruteraan proses melalui perkhidmatan kepakaran, penyelidikan dan inovasi.

ANALISIS SWOT

KEKUATAN (S)
✓ Kakitangan yang berkeelayakan dan berpengalaman dalam bidang industri
✓ Penglibatan aktif pihak industri dalam melaksanakan PPI
✓ Perlantikan industri sebagai jawatankuasa penasihat politeknik, rakan industri dan felo industri
✓ Mempunyai ramai pensyarah dalam bidang tujuhan kejuruteraan proses
KELEMAHAN (W)
✓ Masih terdapat kakitangan yang belum mempunyai pengalaman industri
✓ Kekangan masa dan kewangan untuk pelaksanaan program yang dirancang
✓ Kemudahan peralatan PdP yang tidak selari dengan teknologi semasa
✓ Kekurangan industri yang berkaitan dengan bidang di kawasan sekitar
PELUANG (O)
✓ Peluang mengikuti Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)
✓ Peluang mengikuti latihan dengan agensi luar (INTAN, ABM, INSTUN)
✓ Program yang ditawarkan bersesuaian dengan keperluan industri semasa
ANCAMAN (T)
✓ Persaingan dengan pusat latihan yang lain
✓ Persepsi masyarakat yang hanya menumpu kepada pendidikan universiti yang konvensional
✓ Pensyarah yang berkopetensi tidak kekal dan sering bertukar

OBJEKTIF STRATEGI

1. Mempergiatkan kerjasama dan kolaborasi dengan pihak industri dan IPT
2. Memperkasakan program ditawarkan terutama program dalam bidang tujahan

Objektif Strategi 1: Mempergiatkan kerjasama dan kolaborasi dengan pihak Industri dan IPT								
No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
1.a	Peratusan program yang mempunyai kolaborasi aktif dengan industri**	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Jabatan Akademik
1.b	Memastikan peratusan program yang mencapai jam interaksi melibatkan pensyarah pelawat industri (PPI)**	80%	80%	80%	85%	85%	90%	Jabatan Akademik
1.c	Memastikan peratusan tahap pencapaian status Centre Of Technology (COT)	80%	80%	80%	80%	80%	80%	KU COT
1.d	Bilangan kerjasama dengan industri/IPT melalui instrumen perpindahan teknologi*	5	5	5	6	6	6	Jabatan Akademik
1.e	Bilangan aktiviti yang melibatkan industri/IPT*	10	10	10	11	11	11	Jabatan Akademik
1.f	Penawaran program yang dilaksanakan melalui pendekatan <i>Work Based Learning (WBL)</i>	tahun sasaran			/			UPLI

Objektif Strategi 2: Memperkasakan program ditawarkan terutama program dalam bidang tujahan

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
2.a	Meningkatkan peratusan program yang tersenarai dalam MQR*	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Jabatan Akademik
2.b	Peratus program dalam bidang tujahan yang mempunyai penilai luar*	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Jabatan Akademik
2.c	Peratus program dalam bidang tujahan yang mempunyai penasihat industri*	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Jabatan Akademik

TERAS 5

MEMBUDAYAKAN PSH SEBAGAI SATU GAYA HIDUP KALANGAN MASYARAKAT

Pembelajaran sepanjang Hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran. PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih sempurna. Pembudayaan PSH yang berterusan akan dapat mempengaruhi individu sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka sehingga sehati sebagai budaya atau gaya hidup di kalangan masyarakat. Oleh itu, Politeknik Kuching Sarawak (PKS) komited mengambil peranan untuk membudayakan PSH sebagai khidmat pembangunan modal insan bagi mewujudkan masyarakat berilmu, berdaya saing, meningkatkan taraf ekonomi masyarakat, selain daripada salah satu bentuk promosi Transformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

ANALISIS SWOT

KEKUATAN (S)
✓ Politeknik menawarkan pelbagai bidang teknikal, IT dan perdagangan di peringkat diploma
✓ Mempunyai pensyarah yang berkelulusan dan berkeelayakan dalam pelbagai bidang
✓ Staf mempunyai pentauliahan badan profesional dan sijil kompetensi
✓ Mempunyai kakitangan gunasama yang berkeelayakan
✓ Mempunyai kakitangan yang berpengalaman melebihi 10 tahun
✓ Mempunyai fasiliti dan peralatan kursus yang lengkap

KELEMAHAN (W)
✓ Tiada peruntukan khas
✓ Pensyarah terikat dengan komitmen tanggungjawab hakiki iaitu aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)
✓ Program PSH tidak melalui Akaun Amanah Politeknik

PELUANG (O)	
✓	Memiliki staf yang kompeten, terlatih dan berpengalaman sebagai tenaga pengajar
✓	PKS sebagai Pusat Teknologi COT (POLCPro) dalam bidang Kejuruteraan Proses
✓	PKS sebagai Pusat Latihan Bertauliah Program Persijilan Juruteknik Sektor Penyelukbekuan dan Penyamanan Udara
✓	PKS sebagai Centre of Geomatic Consultancy & Training (GEOCAT)
ANCAMAN (T)	
✓	Staf kompeten enggan berhadapan dengan orang luar dalam pemberian latihan
✓	Staf meletakkan syarat bayaran saguhati apabila tugas di luar waktu pejabat

OBJEKTIF STRATEGI

1. Meningkatkan penawaran program pembelajaran sepanjang hayat (PSH)
2. Meningkatkan kadar penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang ditawarkan

Objektif Strategi 1: Meningkatkan penawaran program pembelajaran sepanjang hayat.

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
1.a	Bilangan kursus pendek yang dianjurkan politeknik*	10	10	10	10	10	10	ULPL
1.b	Bilangan kepelbagaian kursus pendek yang dianjurkan politeknik*	5	5	5	5	5	5	ULPL
1.c	Bilangan Kursus Jangka Pendek untuk pihak luar	4	4	6	8	10	12	ULPL
1.d	Bilangan Kursus Secara Sambilan (KSS)	1	1	1	1	2	2	ULPL
1.e	Bilangan Kursus Terlanggan untuk pihak luar	2	2	3	4	5	6	ULPL

Objektif Strategi 2: Meningkatkan kadar penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang ditawarkan.

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
2.a	Bilangan penyertaan program PSH**	950	1000	1100	1200	1300	1400	ULPL

TERAS 6

MEMBANGUNKAN GLOBAL ONLINE LEARNING (GOL) UNTUK MENJADIKAN POLITEKNIK HAB PENDIDIKAN PERDANA

Pembelajaran secara digital merupakan salah satu cabaran di dalam penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kepada pelajar pada abad ke-21. Kaedah pembelajaran menggunakan teknologi serta pelbagai peralatan ICT merupakan medium yang boleh digunakan untuk menarik minat pelajar serta menghasilkan pembelajaran secara aktif. Salah satu medium yang digunakan untuk memastikan misi ini tercapai ialah menggunakan portal Cidos. Melalui portal ini pelajar boleh mengakses nota, penilaian kerja kursus secara atas talian tanpa batasan masa. Oleh itu, satu mekanisme diperlukan untuk memastikan *online learning* dapat diaplikasikan dalam sistem penyampaian PdP di Politeknik Kuching Sarawak (PKS).

ANALISIS SWOT

KEKUATAN (S)
✓ Pencapaian BLX BL5 telah dapat dikekalkan selama 3 tahun
✓ Pensyarah berpengalaman dalam penyampaian proses PdP menggunakan platform Portal Cidos
✓ Memiliki sistem yang komprehensif untuk merekod aktiviti yang dilaksanakan melalui platform portal Cidos
✓ Mempunyai jawatankuasa ePembelajaran untuk memastikan agenda pembelajaran global dapat dicapai di peringkat PKS dan JPP
KELEMAHAN (W)
✓ Terdapat masalah capaian menggunakan talian MYREN jika terdapat ramai pengguna
✓ Terdapat segelintir pensyarah masih tidak menggunakan pembelajaran secara digital
✓ Kekurangan peralatan untuk pembangunan material dalam pembelajaran digital
PELUANG (O)
✓ Pelbagai pertandingan diadakan setiap tahun untuk mengiktiraf hasil kerja pelajar dan pensyarah
✓ Anugerah Pelaras yang mengiktiraf institusi terbaik yang dapat mengaplikasikan Pembelajaran Digital
✓ Pemberian <i>TECC (Technology Enabled Collaborative Classroom)</i> kepada PKS supaya dapat melaksanakan PdP secara <i>flipped Classroom</i>

ANCAMAN (T)	
✓	Capaian internet yang kurang memuaskan untuk liputan keseluruhan politeknik
✓	Kekurangan kepakaran bidang teknikal terutama semasa membangunkan material <i>online learning</i>
✓	Kekurangan peruntukan untuk mengadakan program berkaitan pembangunan dan latihan

OBJEKTIF STRATEGI

1. Memperkasakan jawatankuasa ePembelajaran dan Unit Instruksional dan Multimedia (MARO)
2. Memastikan peralatan yang diperlukan dapat diperolehi melalui permohonan dan prosidur yang telah ditetapkan
3. Membuat perancangan secara menyeluruh bagi memastikan semua KPI tercapai

Objektif Strategi 1: Memperkasakan jawatankuasa ePembelajaran dan Unit Instruksional dan Multimedia (MARO)								
No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
1.a	Merancang struktur jawatankuasa ePembelajaran yang jelas dan bersepadu	1 kali	1	1	1	1	1	TPA, PeL
1.b	Melantik pegawai yang berkemahiran untuk menganggotai jawatankuasa MARO	1 kali	1	1	1	1	1	TPSA, MARO, UIDM
1.c	Membentuk satu pasukan diperingkat jabatan untuk menguruskan aspek penghasilan video Pdp	1 kali	1	1	1	1	1	MARO, UIDM
1.d	Membentuk satu pasukan bagi tujuan pelaporan aktiviti melalui MARO bagi PoliTV	1 kali	1	1	1	1	1	MARO, UIDM

Objektif Strategi 2: Memastikan peralatan yang diperlukan dapat diperolehi melalui permohonan dan prosidur yang telah ditetapkan

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
2.a	Membuat permohonan pembelian aset bagi melengkapkan peralatan di UIDM	1 kali	1	1	1	1	1	PeL, MARO
2.b	Memastikan capaian internet baik bagi menggunakan Platform portal CIDOS, MOOC dan sebagainya	2 kali	2	2	2	2	2	UIC
2.c	Membuat perancangan bagi menambah port <i>wireless</i> supaya pelajar mudah menggunakan perkhidmatan wifi secara percuma	2 kali	2	2	2	2	2	UIC

Objektif Strategi 3: Membuat perancangan secara menyeluruh bagi memastikan semua KPI tercapai

No	Aktiviti / Kriteria	Indikator	Tahun					Pelaksana
			2017	2018	2019	2020	2021	
3.a	Peratus kursus pengajian di politeknik dalam mod <i>Blended Learning</i> **	70%	70%	70%	70%	70%	70%	PeL, PeL Jabatan
3.b	Bilangan <i>MOOC (Massive Open Online Courses)</i> yang dibangunkan**	1	1	1	1	1	1	PeL
3.c	Bilangan video pembelajaran dan pengajaran yang dibangunkan untuk durasi minima 5-15 minit**	5	5	5	5	5	5	MARO, UIDM
3.d	Bilangan video pelaporan yang dibangunkan untuk durasi minima antara 2-3 minit **	10	10	10	10	10	10	MARO, UIDM
3.e	Membuat perancangan bagi memenuhi KPI <i>TECC (Technology Enabled Colaborative Classroom)</i>	2	2	2	2	2	2	JK TECC Jabatan Akademik

PENUTUP

Penentu utama kejayaan pelan strategik yang telah dirangka ini adalah bergantung kepada tahap penerimaan dan komitmen seluruh warga PKS. Penglibatan setiap warga PKS akan mampu menjadikan PKS sebagai peneraju di peringkat yang lebih tinggi kepada setiap teras yang telah ditetapkan dalam pelan strategik ini. Pelan strategik ini akan dijadikan panduan kepada pihak pengurusan PKS dalam penyediaan pelan tindakan tahunan agar segala aktiviti yang dirancang seiring dengan teras dan matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak pengurusan PKS juga sentiasa komited dan memantau segala aktiviti yang dirancang agar dapat dilaksanakan dengan jayanya berpandukan kepada kriteria dan indikator yang telah ditetapkan.

**JAWATANKUASA PENGUBAL
PELAN STRATEGIK
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
2017-2021**

PENGERUSI

En. Kamaludin Bin Daud

TIMBALAN PENGERUSI

En. Mohd Shah Bin Yunus

En. Jemain Bin Ental

SETIAUSAHA

Cik Erna Ruhaily Binti Rusli

En. Mohd Nasiruddin Bin Badrol Zaman

URUSETIA PELAN STRATEGIK

En. Termimi Hidayat Bin Mahyan

JK URUSETIA PELAN STRATEGIK

Pn. Lenny Kolina Bt Majalis

Pn. Khairani Binti Kaharuddin

En. Blangkat Ahmad Basimin

Cik Mimi Malisa Bt Dolhan

Pn. Dzatiah Binti Mohamad

En. Zulhan Bin Matlin

Pn. Diana Lim Pei Wen

SEKALUNG PENGHARGAAN

Tn. Hj. Muhamad Rumzi Bin Mamat

Seluruh warga PKS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas jasa dan bakti beliau dalam menjayakan Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak 2017-2021

PENGHARGAAN

En. Mohd Agus Adib Bin Eskandar

En. Tan Kheng Wee

En. Yap Tek Chuan

Pn. Normala Binti Jaya

En. Zaulkafli Bin Mohamed

Pn. Adlin Yusnita Binti Ilyas

En. Mohd Subri Bin Saud

En. Mahathir Bin Mohamad Kamin

En. Khairul Hisham Bin Shahari

Pn. Deffany Kong Suk Lan

En. Engku Shahrulerizal Bin Engku Ab. Rahman

Dr. Zamri Bin Yusoff

En. Julius Ak. Apat

Pn. Melissa Audrey Adriana Liu Abdullah

GRAFIK

En. Mohd Razaleigh Bin Saberlin



HAKCIPTA
TERPELIHARA

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
BEG BERKUNCI 3094
KM22 JALAN MATANG
93050 KUCHING
SARAWAK